



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KEPENGARANGAN MU.ANBUCHEL VAN DARI PERSPEKTIF TEORI TEKSDEALISME

LATHA A/P MURUGUSU



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KEPENGARANGAN MU.ANBUCHEL VAN DARI PERSPEKTIF TEORI
TEKSDEALISME**

LATHA A/P MURUGUSU



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 16.....(hari bulan) OKTOBER (bulan) 20.....23.

i. Perakuan pelajar :

Saya, LATHA A/P MURUGUSU, P20171000528, FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KEPENGARANGAN MU.ANBUHELVAN DARI PERSPEKTIF TEORI TEKSDEALISME

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Lathamurugusu

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, MANONMANI DEVI M.A.R ANNAMALAI (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KEPENGARANGAN MU.ANBUHELVAN DARI PERSPEKTIF TEORI TEKSDEALISME

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah DOKTOR FALSAFAH (KESUSASTERAAN TAMIL) (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

30.10.2023

Tarikh

Manonmani Devi M.A.R Annamalai
Assoc.Prof. Dr. Manonmani Devi M.A.R. Annamalai
Faculty of Languages and Communication,
Sultan Idris Education University,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: KEPENGARANGAN MU.ANBUCHELVAN DARI
PERSPEKTIF TEORI TEKSDEALISME

No. Matrik /Matric's No.: P20171000528

Saya / I : LATHA A/P MURUGUSU

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (☒) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (☒) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

Lathamurugusu

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 30.10.2023



Assoc.Prof. Dr. Manonmani Devi M.A.R. Annamalai
(Tandatangan Penyelidik / Signature of Supervisor)
& (Nama & Stempel Rasmi / Official Stamp)
Sultan Idris Education University,
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

இறை வாழ்க; இறை தந்த தமிழ் வாழ்க

Kerana dengan limpah Kurnia dan Izi-nya, pengkaji akhirnya telah berjaya menyiapkan tesis peringkat Phd ini dengan jayanya, walaupun menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan. Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan kesyukuran yang tidak terhingga kepada Tuhan kerana pengkaji berpeluang menjadi pelajar dan dapat menimba ilmu di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Sekalung budi dan terima kasih dirakamkan kepada penyelia Profesor Madya Dr.Manonmani Devi Annamalai dan Dr. Ilangkumanan Sivanandhan atas segala nasihat, dorongan, bantuan dan keperihatinan semasa menyempurnakan tesis ini. Bimbingan, pandangan dan tunjuk ajar yang dihulurkan oleh kedua-dua orang penyelia saya banyak membantu kepada kejayaan tesis ini. Tidak lupa juga jutaan terima kasih kepada sasterawan Perak, Mana Sikana yang turut membantu dalam kajian ini secara tidak langsung.

Kajian ini juga tidak mungkin dapat disempurnakan tanpa kerjasama dan sokongan daripada pelbagai pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung seperti Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Universiti Malaya, dan Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya yang membantu dalam mendapatkan bahan rujukan yang relevan untuk penulisan tesis ini. Tidak terlupa juga kepada ahli keluarga saya yang telah memberi galakan, sokongan dan dorongan serta kata-kata semangat kepada saya selama ini untuk menyiapkan tesis ini.

Sekian, terima kasih.

Latha a/p Murugusu (லதா முருகேசு)
Ijazah Doktor Falsafah (Kesusasteraan Tamil)
2023





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneliti keunggulan kepengarangan Mu.Anbuchelvan terhadap lima kumpulan cerpen yang memuatkan 49 buah karya yang dihasilkan dari tahun 1971 hingga 2008. Objektif kajian ialah meneliti kehadiran subjek dan persoalan, menghuraikan perlanggaran dan pengukuhan dalam cerpen dan menilai pencapaian pengarang mengikut kriteria teori teksdealisme. Analisis dilakukan dengan menggunakan teori sastra teksdealisme untuk melihat mutu dan keunggulan teks pengarang. Empat prinsip yang menjadi landasan teori ini ialah prinsip kehadiran, prinsip perlanggaran, prinsip pengukuhan dan prinsip keperibadian. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan kaedah kepustakaan dan analisis kandungan. Hasil daripada kajian, pengkaji mendapati pengarang memanfaatkan pengalaman sendiri, penyelidikan, persekitaran, pembacaan, penglihatan, pendengaran dan latar pekerjaan dalam menghasilkan lima kumpulan cerpen. Pelbagai subjek dan persoalan diutarakan dalam 49 buah cerpen. Subjek dominan yang dibincangkan dalam cerpennya ialah keluarga dan diikuti dengan magis, sejarah dan politik. Mu.Anbuchelvan telah melakukan perlanggaran dan pengukuhan dari segi subjek dan persoalan, watak dan perwatakan, bahasa, aliran, konteks dan teknik penceritaan. Jati diri pengarang ditemui dalam lima kumpulan cerpen dari aspek subjektiviti, stail individu, reka bentuk individu, kedirian individu dan tindakan individu. Kajian ini memberi implikasi kepada penyelidik sebagai asas memahami kepengarangan Mu.Anbuchelvan dalam lima kumpulan cerpen. Selain itu, kajian ini juga turut membantu khalayak memilih karya-karya yang unggul dan mendorong pengarang mempertingkatkan hasil karyanya untuk mencapai tahap keunggulan.





THE AUTHORSHIP OF MU.ANBUCHELVAN FROM THE PERSPECTIVE OF TEXTUALISM THEORY

ABSTRACT

This study intends to analyse the excellence of Mu.Anbuchelvan's authorship of his five groups of short stories consisted of 49 short stories from 1971 until 2008. This study aims to analyse the subject's existence and questions describing the collision and strengthening in the short story and evaluate the author's achievement according to textual theory. The analysis is done using textualism literary theory to perceive the quality and excellence of the author's text. The theoretical basis of this study is based on four principles: existence, collisions, strengthening and individuality. This research uses a qualitative study comprising a bibliography and content analysis method. The researcher found out that the author used his own experience, research, environment, reading, visual, hearing and his job scope in writing these five groups of short stories consisting of 49 short stories. The main subject portrayed in his writing is family, followed by mythical, historical and political. Mu.Anbuchelvan has done collision and strengthening in the aspects of subject and question, character and characteristic, language, the flow of the story, context and the techniques used in the storyline. The author's identity is found in five groups of short stories from subjectivity and individuality. This study gives implications for the researcher to understand the base element of Mu.Anbuchelvan's authorship in his five groups of short stories. Besides that, this study also helps the audience choose the best writing and encourages the author to improve his or her excellence in writing.



**KANDUNGAN****Muka Surat**

PENGAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI TRANSLITERASI TAMIL	xv
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Pernyataan Masalah	12
1.4 Objektif Kajian	16
1.5 Soalan Kajian	16
1.6 Kepentingan Kajian	17
1.7 Batasan kajian	18
1.8 Definisi Konsep	20
1.8.1 Kepengarangan	20
1.8.2 Cerpen	22
1.8.3 Subjek	25



1.8.4	Jati Diri	26
1.9	Kesimpulan	27
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	28
2.2	Perkembangan Penulisan Karya Cerpen Mu.Anbuchelvan	29
2.3	Kajian Berkaitan Karya Mu.Anbuchelvan	32
2.4	Kajian Berkaitan Teori Teksdealisme	33
2.5	Kajian Berkaitan Kepengarangan	39
2.6	Jurnal, Artikel Berkaitan Teori Teksdealisme	40
2.7	Kesimpulan	41
BAB 3	METODOLOGI	
3.1	Pengenalan	43
3.2	Reka Bentuk Kajian	44
3.2.1	Kerangka Kajian	45
3.3	Kaedah Kajian	46
3.3.1	Kaedah Kajian Kepustakaan	46
3.3.2	Kaedah Analisis Teks	47
3.4	Prosedur Pengumpulan Data	48
3.5	Analisis Data	49
3.6	Teori Teksdealisme	49
3.6.1	Teori Teksdealisme Berdasarkan Prinsip Kehadiran	52
3.6.2	Teori Teksdealisme Berdasarkan Prinsip Perlanggaran	53
3.6.3	Teori Teksdealisme Berdasarkan Prinsip Pengukuhan	55

3.6.4	Teori Teksdealisme Berdasarkan Prinsip Keperibadian	56
3.7	Kesimpulan	59
BAB 4	DAPATAN DAN PERBINCANGAN	
4.1	Pengenalan	61
4.2	Kehadiran Subjek dan Persoalan dalam Cerpen	62
4.2.1	Kumpulan Cerpen “ <i>Thavathin Valimai</i> ”	66
4.2.1.1	Kehadiran Nilai Kekeluargaan	67
4.2.1.2	Pemaparan Horizon Sejarah	75
4.2.1.3	Polemik Etika Pergaulan	80
4.2.1.4	Penonjolan Milieu Kehidupan	83
4.2.2	Kumpulan Cerpen “ <i>Thi:pangkal</i> ”	84
4.2.2.1	Kehadiran Nilai Kekeluargaan	85
4.2.2.2	Polemik Etika Pergaulan	96
4.2.2.3	Kehadiran Unsur Magis	100
4.2.2.4	Permasalahan Bunuh Diri	102
4.2.2.5	Kesedaran Rencam Politik	104
4.2.3	Kumpulan Cerpen “ <i>Mu.Anbuchelvan Citukathaikal:</i> ”	106
4.2.3.1	Kehadiran Nilai Kekeluargaan	107
4.2.3.2	Kesedaran Rencam Politik	118
4.2.3.3	Pemaparan Horizon Sejarah	121
4.2.3.4	Kompas Hayat Kehidupan	125
4.2.3.5	Pemaparan Isu Keganasan	126
4.2.3.6	Cerminan Murni Kerjasama	127
4.2.3.7	Warna-warni Siswazah	129

4.2.4	Kumpulan Cerpen “ <i>Vil-ithhirukkum I:yakkut:taikal</i> ”	131
4.2.4.1	Kehadiran Unsur Magis	132
4.2.4.2	Kehadiran Unsur Kekeluargaan	144
4.2.4.3	Pemaparan Horizon Sejarah	147
4.2.5	Kumpulan Cerpen “ <i>Arai Nhutta:n:tuc Citukathaikal:</i> ”	150
4.2.5.1	Kehadiran Unsur Kekeluargaan	151
4.2.5.2	Kompas Hayat Kehidupan	156
4.3	Kesimpulan	158
4.4	Prinsip Perlanggaran dan Prinsip Pengukuhan dalam Cerpen	164
4.4.1	Pengenalan	164
4.4.2	Prinsip Perlanggaran dalam Cerpen	164
4.4.2.1	Perlanggaran Subjek dan Persoalan	166
4.4.2.2	Perlanggaran Watak dan Perwatakan	208
4.4.2.3	Perlanggaran Bahasa	213
4.4.2.4	Perlanggaran Aliran	214
4.4.2.5	Perlanggaran dari Segi Konteks	222
4.4.2.6	Perlanggaran Teknik Penceritaan	228
4.5	Prinsip Pengukuhan dalam Cerpen	231
4.5.1	Pengukuhan Subjek dan Persoalan	232
4.5.1.1	Keluarga	232
4.5.1.2	Magis	251
4.5.1.3	Sejarah	253
4.5.1.4	Pergaulan	256



4.5.1.5 Kehidupan	258
4.5.1.6 Politik	260
4.5.2 Pengukuhan Watak dan Perwatakan	262
4.5.3 Pengukuhan Bahasa	263
4.5.4 Pengukuhan Aliran	264
4.6 Kesimpulan	267
4.7 Prinsip Keperibadian Mengikut Kriteria Teksdealisme	269
4.7.1 Pengenalan	269
4.7.2 Pencapaian Pengarang	269
4.7.2.1 Subjektiviti	271
4.7.2.2 Stail Individu	286
4.7.2.3 Reka cipta Individu	308
4.7.2.4 Kedirian Individu	324
4.7.2.5 Tindakan Individu	328
4.8 Kesimpulan	334

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	337
5.2 Perbincangan Dapatan Kajian	338
5.2.1 Meneliti Kehadiran Subjek dan Persoalan	339
5.2.2 Menghuraikan Prinsip Perlanggaran dan Prinsip Pengukuhan	343
5.2.3 Menilai Pencapaian Pengarang Mengikut Kriteria Teori Teksdealisme	348
5.3 Cadangan Kajian yang Selanjutnya	360
5.4 Kesimpulan	360





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xii

RUJUKAN

362



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

No. Judul	Muka Surat
1.1 Senarai Cerpen dalam Kumpulan Cerpen Mu.Anbuchelvan	19
3.1 Subjek Dominan Mengikut Kumpulan Cerpen	49
4.1 Subjek Mengikut Kumpulan Cerpen	161
4.2 Subjek dan Persoalan Mengikut Kumpulan Cerpen	162





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
3.1 Kerangka Kajian	45
3.2 Prinsip-prinsip dalam Teori Teksdealisme	58
3.3 Ciri-ciri Teori Teksdealisme	58
3.4 Aplikasi Teori Teksdealisme dalam Cerpen-cerpen Kajian	59



TRANSLITERASI TAMIL

Penggunaan transliterasi nama-nama dan istilah-istilah Tamil melalui bahasa Melayu adalah berdasarkan sistem transliterasi yang digunakan dalam Tamil Culture. Berikut adalah dasar-dasar transliterasi huruf-huruf bahasa Tamil yang digunakan.

VOKOL

அ	a	ஆ	a:	இ	i	ஈ	i:	உ	u	ஊ	u:
எ	e	ஏ	e:	ஐ	ai	ஓ	o	ஔ	o:	ஔ	au

KONSONAN

க	k	ய	y	ங்	ng
ச	c	ர்	r	ஞ்	nj
ட	t:	ல்	l	ண்	n:
த்	th	வ்	v	ந்	nh
ப்	p	ழ்	l-	ம்	m
ற்	tr	ள்	l:	ன்	n

SANSKRIT

ஜ்	j	ஹ்	h	ஷ்	sh	ஸ்ரீ	sri
----	---	----	---	----	----	------	-----



BAB 1

PENDAHULUAN



Kesusasteraan merupakan salah satu alat perubahan yang terpenting dan dikaitkan dengan realiti kehidupan sosial sesebuah masyarakat. Bidang kesusasteraan meliputi kumpulan genre seperti puisi, drama, cerpen dan novel. Menurut Mana Sikana (2010), kesusasteraan telah diterima sebagai gubahan yang menggunakan bahasa untuk menghasilkan karya yang berbentuk prosa, puisi dan drama. Hasil kesusasteraan mampu mengubah pemikiran sesebuah masyarakat sama ada melalui pembacaan mahupun pendengaran atau penontonan.

Roslan Abdul Wahid (2007) berpendapat kesusasteraan adalah cerminan kepada pemikiran dan perasaan sesebuah masyarakat yang dijalinkan dengan bahasa yang indah dan puitis. Keindahan hasil kesusasteraan dapat memukau deria rasa dan





perasaan serta mempengaruhi mentaliti pendukungnya. Setiap bangsa di muka bumi ini pasti mempunyai kesusasteraannya yang asli, sejati dan tersendiri. Segala-galanya berakar daripada tradisi pertuturan atau secara lisan, kemudian berkembang kepada kemahiran menulis dan kini kesusasteraan sudah menempa nama memasuki ruang siber. Perkembangan ini adalah sejajar dengan arus kemajuan perdana negara kita dan arus globalisasi dunia tanpa sempadan.

Menurut Mullai Ramaiyah (2005), prosa moden yang paling diminati oleh para pembaca ialah cerpen. Cerpen mengandungi plot dan cerita yang menarik dan wujud elemen kejutan di dalamnya yang mampu membuatkan pembaca ingin tahu dengan lebih mendalam tentang isi sesuatu jalan cerita. Cerpen secara tidak langsung membuatkan pembaca lebih merasai keseronokan semasa membaca. Manusia juga mudah belajar melalui penceritaan. Ia juga mengandungi idea dan mesej yang hebat untuk direnungkan.

Selain itu, di dalam cerpen juga terdapat pelbagai watak manusia dan kesemuanya mempunyai ujian dan cabaran masing-masing. Pengarang akan membawa pembaca ke dalam dunia watak-watak itu dan menunjukkan pergelutan yang mereka lalui secara dekat. Watak di dalam cerpen itu mungkin tidak mempunyai kehidupan yang sama dengan pembaca, tetapi keazaman dan kesungguhan yang ditonjolkan oleh watak itu dalam melakukan perubahan pasti dapat diambil sebagai sumber inspirasi dalam hidup seseorang manusia.

Cerpen juga berperanan sebagai alat informasi berkenaan milieu sesuatu masyarakat kepada pembaca. Melalui cerpen, penerapan nilai-nilai murni, positif dan





unsur-unsur pengajaran serta ilmu pengetahuan yang tinggi dapat dicontohi dan membentuk pribadi yang baik dalam kehidupan seharian manusia. Secara tidak langsung cerpen mampu menjadi bahan pendidikan kepada masyarakat. Pendidikan yang dibawa oleh cerpen dapat mengubah dan memurnikan kehidupan seseorang manusia.

Karya cerpen merupakan agen perubahan yang sangat penting dalam kesusasteraan Tamil. Ia menggambarkan sesuatu peristiwa yang berlaku dalam sesebuah masyarakat. Pelbagai konflik dan penyelesaiannya dibincangkan dengan bahasa yang mudah dan indah. Cerpen juga menjadi bahan bukti yang menghuraikan dan mengisahkan sejarah purba sesuatu masyarakat serta mengemukakan pelbagai fenomena yang terdapat dalam sesuatu masyarakat. Isu-isu yang diutarakan dalam cerpen berkait rapat dengan realiti kehidupan seharian manusia.

Oleh itu, pengarang menggunakan cerpen sebagai medium untuk membaca, mengubah pemikiran serta penyelesaian konflik sesebuah masyarakat. Karya cerpen juga memberi pengajaran yang berguna dan boleh dijadikan sebagai panduan dalam kehidupan. Ia juga dapat mendorong pengarang untuk menulisnya secara kritis dan kreatif. Melalui cerpen, pembaca dapat memahami isi tersurat dan tersirat, menemukan sebab dan akibat serta kaitan antara pelbagai peristiwa dalam ceritanya. Hal ini dibuktikan dengan pandangan Othman Puteh (2001), cerpen ialah karya fiksi atau cereka yang menggunakan wahana bahasa kreatif dan imaginatif untuk menghantar pengucapan pengarangnya kepada khalayak atau pembaca sasaran.





Setiap pengarang mempunyai gaya tersendiri dalam mengarang sesuatu karya sastra. Hasil karya merupakan identiti kepada seseorang pengarang. Pemilihan genre cerpen dalam kepengarangan Mu.Anbuchelvan disebabkan adanya keunikan kreativiti dalam penulisannya. Maklumat ini bertepatan dengan pandangan Jais Sahok (2012). Beliau menyatakan bahawa karya sastra menggambarkan kehidupan kreatif seseorang pengarang dan mengungkapkan keperibadian pengarangnya.

Fokus utama kajian ini adalah untuk membincangkan kepengarangan Mu.Anbuchelvan dalam lima kumpulan cerpen yang mengandungi 49 buah karya. Menurut Ramaiyah (1978), Mu.Anbuchelvan ialah seorang pengarang yang terkenal dan banyak memberi sumbangan kepada kesusasteraan Tamil Malaysia. Beliau mempunyai kedudukan yang tinggi, terhormat dan istimewa. Mu.Anbuchelvan melibatkan diri dalam dunia penulisan sejak tahun 1958. Beliau mempunyai pengalaman berkarya selama 55 tahun dalam bidang kesusasteraan.

Mu.Anbuchelvan telah menerima banyak anugerah hasil daripada penulisan karya cerpennya. Subjek dan persoalan yang dipilih dalam karya beliau adalah pelbagai dan menarik untuk dibaca serta dikaji. Selain itu, beliau juga telah melakukan pelbagai inovasi dalam penulisan cerpennya. Oleh itu, adalah wajar untuk melakukan sebuah kajian tentang aspek kepengarangan beliau untuk rujukan bersama.





1.2 Latar Belakang Kajian

Menurut Jesuthas (2010), sastera merupakan suatu unsur yang menunjukkan kisah manusia secara teratur. Genre-genre sastera ini menjadi panduan untuk mencerminkan kebudayaan masyarakat serta menjadi alat memperlihatkan aliran pemikiran sesuatu masyarakat. Oleh hal demikian, sastera boleh dijadikan sebagai bahan bukti bagi mewujudkan dokumen-dokumen rasmi yang mengisahkan sejarah sesebuah masyarakat. Para pengkaji antropologi dan sosiologi menitikberatkan bahan sastera sebegini sebagai bukti untuk memaparkan sosiobudaya sesebuah masyarakat. Abad ke-18 merupakan abad yang penting dalam perkembangan sastera Tamil moden. Novel dan cerpen dari Barat mula meresap dalam sastera prosa. Perkara tersebut turut memberi impak dalam kesusasteraan Tamil dengan mengubah wajah daripada klasik



Gubahan sastera berbentuk prosa sangat popular dalam kalangan masyarakat. Menurut Murasu Nedumaran (1997), cerpen ialah genre sastera yang paling popular dalam kesusasteraan moden sejak abad ke-18. Namun, pada abad ke-20 cerpen Tamil yang berasaskan hukum tatabahasa mula diterbitkan. Ia mencerminkan latar belakang sesebuah masyarakat. Hasil karya cerpen juga berperanan menggambarkan kehidupan masyarakat dengan menonjolkan tambah unsur-unsur keindahan alam.

Wellek (1970) pula berpendapat bahawa cerpen atau cerita pendek ialah rekaan (cereka) berbentuk prosa yang relatif pendek. Kependekannya pula masih tidak jelas ukurannya dan masih tidak tetap jumlah perkataannya. Genre cerpen berasal dari Eropah ataupun Barat atas usaha tokoh-tokoh terkenal dan berwibawa





seperti Edger Allan Poe, Nikaolai Gogol Guy de Maupassant dan Anton Chekhov. Mereka meletakkan batu asas untuk cerpen khususnya berkaitan dengan definisi dan ciri-ciri penting sesebuah cerpen. Kemudian, unsur-unsur ini menjadi amalan dan pegangan para penulis cerpen, terutamanya dalam penulisan cerpen yang berbentuk konvensional yang sedia mengutamakan unsur dalaman.

Sasterawan Tamil Agilan (1976) berpendapat cerpen merupakan genre sastra yang mempunyai ciri-ciri tertentu. Beliau juga menyatakan bahawa cerpen sebagai karya ringkas yang mengisahkan sesuatu masalah yang dihadapi oleh seseorang individu atau sesuatu masyarakat secara ringkas dan mendalam. A.Samad Said (1995) pula menyatakan cerpen ialah satu penterjemahan pengalaman seseorang yang seterusnya dipindahkan oleh cerpenis kepada seseorang individu. Berdasarkan pernyataan di atas, boleh dirumuskan bahawa karya cerpen berfungsi menggambarkan masalah-masalah yang dihadapi oleh seseorang individu dalam sesebuah masyarakat. Selain itu, hasil cerpen juga adalah manifestasi atau cerminan pengalaman pengarang yang dipindahkan kepada khalayak masyarakat. Pengarang berkongsi pengalaman dan menyampaikan mesejnya melalui hasil cerpennya.

Beralih kepada perkembangan cerpen, menurut Balabaskaran (1995), perkembangan cerpen di Malaysia boleh dibahagikan kepada enam peringkat. Beliau menyatakan bahawa perkembangan cerpen antara tahun 1930-1941 dikenali sebagai tahap permulaan. Peringkat kedua ialah semasa zaman pemerintahan Jepun iaitu antara tahun 1942-1945. Seterusnya, dari tahun 1946 hingga 1952 dikenali sebagai zaman penamatan. Peringkat yang keempat ialah zaman sebelum kemerdekaan iaitu dalam lingkungan tahun 1953-1957. Peringkat kelima pula, pada zaman selepas





kemerdekaan iaitu antara tahun 1958 hingga 1969. Akhir sekali, tahun 1970 hingga 1978 dikenali sebagai zaman kemerdekaan.

Thirumalai (1992) juga bersependapat dengan Balabaskaran iaitu perkembangan cerpen bermula pada abad ke-18. Menurut beliau lagi, cerpen Tamil yang pertama telah dihasilkan oleh Veeramaamunivar, seorang paderi Mubaligh Kristian berketurunan Itali. Gaya dan plot ceritanya didapati amat dipengaruhi dengan gaya dan plot cerpen-cerpen Barat. Manakala, penulisan cerita Tamil dalam bentuk prosa dimulakan oleh Subramanya Bharathiyar yang merupakan seorang anak watan dan penulis prolifik di Tamil Nadu pada awal abad ke-20. Cerita-cerita yang dihasilkan oleh beliau kemudiannya menjadi cerpen yang bermutu tinggi di Tamil Nadu.



Sejak zaman pemerintahan Raja Chulan, masyarakat Tamil dari Tamil Nadu telahpun menjejaki kaki di Malaysia. Tetapi, kehadiran masyarakat ini meningkat selepas tahun 1786, iaitu selepas Sir Frachis Light mula memajukan Pulau Pinang. Kedatangan mereka telah mengekalkan budayanya dan meneruskan tradisi penghasilan karya-karya kesusasteraan. Apabila dibandingkan dengan perkembangan genre yang lain, cerpen didapati lebih maju dan popular (Thandayutham, 1973).

Menurut Thandayutham (1973) lagi, karya cerpen mula ditulis sejak tahun 1842. “*Manggayakarasiyin Kathale*” merupakan kumpulan cerpen pertama yang diterbitkan pada tahun 1927. Ia ditulis oleh Va.Ve.Su.Aiyar. Cerpen Tamil mula ditulis di Malaysia selepas terbitnya novel *Karunasakaran Elatum Katalin Matci* oleh





S.Vengadarathinam. “*Navarasa Kathamanjari*” yang dituliskan pada tahun 1930 dikatakan titik permulaan penulisan cerpen di Malaysia.

Sementara itu, cerpen Tamil di Malaysia mula berkembang sekitar tahun 1940-an. Karya-karya sastra Tamil di Malaysia pada awalnya ditulis hanya untuk memenuhi keperluan akhbar-akhbar Tamil di Malaysia. Karya-karya sastra tersebut mempunyai pengaruh yang kuat. Hasil karya tersebut mencerminkan kehidupan masyarakat Tamil di India. Ini adalah kerana pengarang yang menghasilkan karya-karya tersebut berpendidikan di India dan Sri Lanka. Hampir tiga perempat tema, latar, isu-isu dan watak yang dipilih dalam cerpen Tamil Malaysia adalah mempunyai latar belakang Tamil Nadu, India (Thandayutham, 1973).



bahawa penulis telah menghasilkan cerita berdasarkan latar masyarakat di negara India dan tidak mencerminkan gaya hidup masyarakat Tamil di Malaysia. Sehingga tahun 1930, genre cerpen dalam arena kesusasteraan Tamil tidak mendapat perhatian yang khusus di Malaysia. Kebanyakan cerpen yang dihasilkan pada tahun 1930, berkisar kepada tema-tema sosial dan peristiwa-peristiwa harian sahaja.

Negarawan ulung Ungku Aziz (1977) mengutarakan bahawa penulisan Tamil di negara ini dipengaruhi oleh gerakan-gerakan sastra di India. Menurut beliau lagi, penulis-penulis yang datang dari India dalam tahun 40-an dan 50-an dipengaruhi oleh satu gerakan sastra di Madras yang dikenali sebagai gerakan Manikkoti. Kelahiran sebuah akhbar Tamil dalam tahun 1924 dan majalah-majalah merupakan titik peralihan dalam penulisan Tamil di negara ini. Di dalam akhbar dan majalahlah





cerpen-cerpen Tamil mendapat tempat. Isinya mengandungi ciri-ciri didaktik dan pembentukan moral.

Menurut Subramaniam (1981), semasa zaman pemerintahan Jepun, sebanyak 40 cerpen diterbitkan. Kebanyakan cerpen ini membawa latar belakang Tamil. Temanya berkisar kepada pencapaian kemerdekaan negara India, propaganda rejim Jepun, cinta yang berlatarkan peperangan serta keadaan hidup dan masalah masyarakat India. Sekitar tahun 1958-an, sebanyak 38 buah antologi cerpen telah dibukukan. Majalah-majalah dari negara India juga telah menyiarkan karya-karya penulis cerpen Malaysia. Kesemua cerpen tersebut berlatarbelakangkan watak-watak di Malaysia dan mencerminkan keadaan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum. Kebanyakan karya di sekitar tahun 1960-an lebih banyak menekankan pada latar tempat, masa dan masyarakat Malaysia.



Menurut Ramaiyah (1996), pertandingan menulis cerpen dan seminar kritikan merupakan dua aspek utama dalam perkembangan cerpen. Walaupun surat khabar menjadi dorongan kepada pengarang untuk menulis tetapi ganjaran juga perlu diutamakan. Pertandingan dan seminar kritikan sangat berkesan dalam perkembangan cerpen. Seminar kritikan cerpen merupakan salah satu faktor yang membantu perkembangan cerpen Tamil Malaysia. Gagasan ini dimulakan oleh Persatuan Penulis Tamil Malaysia yang diketuai oleh Vadivelu. Pada tahun 1972, persatuan ini telah memulakan kritikan cerpen Tamil yang pertama di Malaysia. Kemudian, kritikan cerpen peringkat kedua diadakan pada tahun 1983. Pada tahun 1994, Pengerusi Persatuan Penulis Tamil Malaysia, iaitu Aaathi Kumanan menyerahkan tugas kritikan cerpen Tamil kepada Mu.Anbuchelvan.





Sekitar tahun 1966-1976, akhbar Tamil telah memainkan peranan yang penting dalam menerbitkan cerita-cerita, karangan dan sajak. Beberapa orang penulis veteran tempatan telah menghasilkan karya-karya yang berkualiti walaupun tiada sebarang ganjaran diberikan. Daripada barisan penulis tempatan, Mu.Anbuchelvan adalah antara penulis yang tergolong dalam kumpulan penulis profilik dalam kesusasteraan Tamil Malaysia. Kehadiran beliau dalam dunia sastera amat bermakna kepada penulis-penulis muda yang mula melibatkan diri dalam dunia penulisan (Ramaiyah, 1996).

Menurut Annadurai (2007), cerpen-cerpen Tamil terus berkembang dengan pesat pada tahun 1980-an dan 1990-an. Banyak majalah dan surat khabar telah menganjurkan peraduan menulis cerpen. Pada tahun 1986, secara rasminya, Persatuan Bahasa Tamil Universiti Malaya telah menganjurkan satu pertandingan mengarang cerpen Tamil di peringkat Kebangsaan. Sambutan daripada penulis cerpen sangat memberangsangkan. Kebanyakan cerpen memperlihatkan tema mengenai permasalahan rakyat Malaysia berketurunan India pada sekitar tahun 1980-an. Usaha Persatuan Bahasa Tamil, Universiti Malaya ini masih berterusan sehingga kini. Sebanyak 26 antologi cerpen yang memuatkan karya-karya pemenang telah diterbitkan dengan jayanya.

Sementara itu, Maktab Perguruan Unit Pengajian Bahasa Tamil juga memainkan peranan yang penting dalam perkembangan kesusasteraan Tamil Malaysia. Begitu juga Maktab Perguruan Sri Kota yang pertama kalinya telah menganjurkan pertandingan menulis cerpen dan sajak serta membukukannya. Motif utama pertandingan ini diadakan adalah untuk melahirkan penulis-penulis yang





berbangsa India serta memartabatkan kesusasteraan Tamil di Malaysia (Ramaiyah, 1996).

Beralih kepada perkembangan cerpen Tamil Malaysia di peringkat global, Ramaiyah (1996) mendapati cerpen berfungsi sebagai medium utama dalam menjelaskan keadaan sebenar masyarakat India dan perkembangan cerpen Tamil di Malaysia. Cerpen menjadi jambatan antara negara Malaysia dengan negara India untuk memperluas lagi bidang penulisan karya penulis tempatan. Ramai penulis veteran telah mencapai ke puncak yang amat membanggakan. Antaranya ialah, Re.Karthigesu, Ar.Shanmugam, Mu.Anbuchelvan dan ramai lagi. Cerpen-cerpen hasil nukilan Mu.Anbuchelvan yang berjudul “*Thi:pangkal:*” yang diterbitkan pada tahun 1981 dan “*Pichai Pa:thirangkal*” terbitan tahun 1991 adalah antara cerpen-cerpen yang mendapat sambutan yang baik di negara India.

Daripada pendapat para penteeori, sarjana dan pengkaji di atas, boleh dirumuskan bahawa perkembangan cerpen Tamil Malaysia bermula sejak tahun 1930 sehingga kini. Akhbar memainkan peranan yang penting dalam perkembangan cerpen Tamil di Malaysia. Pada mulanya, cerpen-cerpen Tamil Malaysia adalah berlatarkan kepada Tamil Nadu. Namun, sekitar tahun 1960-an, para penulis Tamil mula menghasilkan cerpen yang bertemakan kepada isu tanah air. Didapati, karya-karya cerpen Tamil Malaysia ini begitu aktif membincangkan taraf kehidupan masyarakat India serta masalah-masalah sosial yang berlaku di negara ini.





1.3 Pernyataan Masalah

Mu.Anbuchelvan merupakan seorang pengarang yang berpengalaman dan terkenal dalam kalangan masyarakat Tamil Malaysia. Beliau telah berjaya menulis lima kumpulan cerpen yang mengandungi 49 buah karya. Menurut Ramaiyah (2004), Mu.Anbuchelvan ialah seorang pengarang yang popular dalam arena kesusasteraan Tamil. Karya sastera beliau terdiri daripada cerpen, novel, dan sajak.

Secara asasnya, pengarang menggunakan cerpen sebagai medium penyampaian mesej terhadap masyarakat sebagai elemen mendidik, menasihati dan menyedarkan serta menterjemahkan pemikirannya tentang isu-isu masyarakat Tamil. Cerpen merupakan karangan pendek yang berbentuk prosa. Melalui cerpen, peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam kehidupan seharian dibincangkan. Cerpen-cerpen Mu.Anbuchelvan adalah sangat menarik kerana mengandungi konflik, peristiwa yang mengharukan, menyenangkan, dan memberi kesan kepada pembaca. Ia bertepatan dengan pendapat Othman Puteh (2001) iaitu cerpen berfungsi sebagai alat yang mencerminkan elemen-elemen pergolakan serta penentangan yang wujud dalam masyarakat.

Menurut Othman Puteh (2001) lagi, dalam dunia penulisan, setiap individu mempunyai hak dan kebebasan untuk menulis apa yang disenangi, sama ada dari sisi pemilihan idea cerita, pembinaan komposisi cerita, teknik penceritaan serta berapa panjang dan pendek yang ingin dimanfaatkan. Gaya penulisan pengarang Mu.Anbuchelvan adalah sangat bersesuaian dengan pandangan sasterawan Othman Puteh. Mu.Anbuchelvan mempunyai teknik penulisan yang tersendiri agar cerpen-





cerpen yang dihasilkan mempunyai kualiti yang tinggi dan disukai oleh pembaca. Cara penyampaian mesej melalui cerpen juga sangat menarik. Penggunaan bahasa yang sesuai dalam cerpennya juga membuatkan pembaca mudah memahami mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang.

Fokus utama sesuatu cerpen ialah subjek dan persoalan. Karya penulisan cerpen yang baik dipilih berdasarkan subjek dan persoalan yang menarik minat pembaca. Cerpen-cerpen Mu.Anbuchelvan telah menyajikan pelbagai subjek dan persoalan yang bersesuaian mengikut peredaran masa dan mendapat perhatian khalayak. Menurut Othman Puteh (2001), pengarang mencipta karyanya dengan mengambil model dan subjek ceritanya dari persekitaran kehidupan sendiri. Pandangan tokoh terkenal ini dapat dibuktikan dengan gaya penulisan Mu.Anbuchelvan. Pemilihan subjek dan persoalan oleh pengarang adalah berdasarkan isu-isu yang berlaku di sekelilingnya dan pengalaman diri sendiri. Pengarang menggunakan pengalaman peribadi, khayalan, penyelidikan, dan bacaan untuk menghasilkan cerpennya.

Menurut Thandayutham (1971), walaupun cerpen dalam bentuk ringkas, namun subjek dan persoalan dalam cerpen Mu.Anbuchelvan tidak terbatas. Peristiwa-peristiwa dalam epik *Mahabaratham*, sejarah, politik, magis dan pergolakan masyarakat dibincangkan pada masa dan latar yang berbeza. Oleh hal demikian, hasil penulisan pengarang telah berjaya menarik minat pembaca tempatan mahupun di arena antarabangsa.





Pengarang bukan sahaja mengungkapkan subjek dan persoalan yang menarik dalam cerpennya malah juga menganalisis sesuatu isu atau pergolakan yang berlaku dalam masyarakat. Hal ini juga mendorong pengarang Mu.Anbuchelvan memilih pelbagai pendekatan dalam penciptaan karya cerpen supaya memberi kesan estetika kepada pembaca. Nilai estetika dalam cerpen Mu.Anbuchelvan mampu mempengaruhi jiwa pembaca, dan mempunyai kuasa sebagai penyembuh. Oleh itu, kehadiran isi yang baik dalam cerpennya dapat menjamin kualiti nilai estetika.

Menurut Re.Karthigesu (2004), selepas tahun 1995, kualiti penulisan penulis cerpen Malaysia meningkat. Ia disebabkan terdapat penulis-penulis cerpen yang berpengalaman dan sudah matang. Salah seorang penulisnya ialah Mu.Anbuchelvan. Kumpulan cerpen beliau yang berjudul “*Mu.Anbuchelvan Chirukathaigal*” (1998) menjadi bukti dalam pembaharuan teknik, plot cerita dan pandangan sosial. Beliau juga telah melakukan percubaan-percubaan dalam penggunaan diksi, metafora, dan pelbagai aspek struktural bagi menghasilkan perbezaan atau pembaharuan dalam cerpennya.

Menurut Mana Sikana (2012), perlanggaran ialah suatu proses penciptaan dinamik untuk mencari pembaharuan dalam berkarya. Seorang pengarang yang sedar konsep kepengarangannya akan cuba memperbaharui setiap teks yang dihasilkannya. Pandangan penteorii ini sangat bersesuaian dengan hasil penciptaan pengarang Mu.Anbuchelvan. Hasil cerpennya terus meneroka pembaharuan dari satu cerpen ke cerpen seterusnya. Umpamanya, pengarang lebih memfokuskan aliran realisme dalam penulisannya. Pembaharuan yang telah dilakukan oleh pengarang menjadikan





karyanya sebagai ejen kepada perubahan sosial dan memberi kesedaran kepada masyarakat.

Sebagai seorang pengarang yang berjaya merentasi zaman dan banyak menghasilkan karya dalam hayat kepengarangannya, semestinya beliau memiliki gaya kepengarangan yang tersendiri. Berdasarkan konteks ini, kajian dari aspek kepengarangan bertujuan untuk memperlihatkan jati diri kepengarangan Mu.Anbuchelvan seperti dalam aspek subjektiviti, stail peribadi dan kesan pengaruh penulisan.

Menurut pandangan pentiori Mana Sikana (2015), seseorang pengarang akan dapat dikenali jati dirinya melalui karya yang dihasilkannya. Cara penyusunan teks dapat menggambarkan peribadi penulisan. Setiap penulis mempunyai ciri dan sifat watak yang tersendiri serta cara membina karyanya juga tersendiri. Proses individualisasi akan membawa seseorang pengarang mencapai taraf *individual author*, iaitu suatu tahap jati diri pengarang yang unggul.

Mu.Anbuchelvan merupakan seorang penulis veteran yang terkenal dan banyak menghasilkan karya serta berterusan sehingga pada akhir hayatnya. Untuk peringkat sarjana, pengkaji sendiri mengkaji kumpulan cerpen Mu.Anbuchelvan dalam aspek nilai kemanusiaan. Pengkaji mendapati cerpen-cerpen Mu.Anbuchelvan masih mempunyai kelompangan yang boleh dikaji dalam aspek yang lain. Oleh itu, pengkaji bercadang untuk mengkaji tentang aspek kepengarangan Mu.Anbuchelvan dalam bidang cerpen. Aplikasi teori Teksdealisme dalam kajian ini adalah untuk mengkaji pencapaian pengarang Mu.Anbuchelvan dalam penulisan lima kumpulan





cerpennya. Kajian ini diharap dapat menentukan kedudukan pengarang Mu.Anbuchelvan dalam peta kesusasteraan Tamil Malaysia.

1.4 Objektif Kajian

Kajian Kepengarangan Mu.Anbuchelvan dari perspektif teori Teksdealisme ini dikaji berpandukan kepada objektif-objektif berikut:

- i. Meneliti kehadiran subjek dan persoalan yang terdapat dalam kumpulan cerpen Mu.Anbuchelvan.
- ii. Menghuraikan prinsip perlanggaran dan prinsip pengukuhan yang tersisip dalam kumpulan cerpen Mu.Anbuchelvan.
- iii. Menilai pencapaian pengarang berdasarkan kriteria teori Teksdealisme.

1.5 Soalan Kajian

- i. Apakah kehadiran subjek dan persoalan pengarang Mu.Anbuchelvan dalam penulisan cerpen?
- ii. Bagaimanakah prinsip perlanggaran dan prinsip pengukuhan dimanfaatkan oleh pengarang?
- iii. Apakah pencapaian pengarang berdasarkan prinsip teori Teksdealisme?



1.6 Kepentingan Kajian

Terdapat beberapa kepentingan yang mendorong pengkaji melakukan kajian ini. Pertama, melalui kajian ini, pengkaji dapat mengetengahkan hasil karya cerpen Mu.Anbuchelvan dari tahun 1971 hingga 2008. Kajian ini diharapkan dapat menganalisis sejauh manakah kepengarangan Mu.Anbuchelvan dalam lima buah kumpulan cerpen. Kajian ini boleh dijadikan panduan kepada pengkaji lain untuk memahami aspek kepengarangan Mu.Anbuchelvan. Justeru, ia akan dapat membuka minat pengkaji lain untuk melakukan kajian lanjutan berkaitan pengarang Mu.Anbuchelvan.

Kedua, kajian ini penting kepada pengkaji lain atau ahli akademik yang ingin membuat kajian yang berlandaskan kepada teori Teksdealisme. Aplikasi teori Teksdealisme dalam kajian akan menjadi panduan kepada penyelidik lain untuk memahami teori dan pengaplikasian dalam kajian mereka.

Ketiga, kajian ini diharapkan dapat membantu pengkaji-pengkaji lain memahami aspek subjek dan persoalan yang diungkapkan oleh pengarang. Diharapkan maklumat yang diperoleh melalui kajian ini membantu pengkaji lain memperluas dan memperdalam kajian tentang aspek subjek dan persoalan penulis-penulis lain secara lebih terperinci. Maka, kajian ini dapat dijadikan sumber maklumat dan rujukan kepada pengkaji yang lain.

Akhir sekali, kajian ini juga dapat mengemukan kekuatan pengarang dalam penulisan cerpen supaya ia dapat dijadikan sebagai teladan dan sempadan kepada



pengarang yang lain. Hasil kajian ini akan meletakkan dan menentukan kedudukan pengarang Mu.Anbuchelvan dalam dunia kesusasteraan Tamil.

1.7 Batasan Kajian

Mu.Anbuchelvan telah menulis sebanyak 150 buah cerpen, novel dan sajak perseorangan. Pengkaji hanya akan mengkaji lima kumpulan cerpen yang mengandungi 49 buah cerpen untuk kajian ini. Ini kerana hanya 49 buah cerpen sahaja yang telah dibukukan. Cerpen-cerpen yang terbaik dan yang mendapat hadiah telah dibukukan kepada lima kumpulan cerpen.



kumpulan cerpen dari perspektif teori Teksdealisme. Teori Teksdealisme digunakan sebagai landasan dalam kajian ini. Empat prinsip teori Teksdealisme iaitu kehadiran, perlanggaran, pengukuhan dan keperibadian akan diaplikasikan dalam kajian ini. Kumpulan cerpen tersebut adalah seperti paparan dalam jadual 1.1 berikut:





Jadual 1.1

Senarai cerpen dalam kumpulan cerpen Mu.Anbuchelvan

BIL	KUMPULAN CERPEN	TAJUK CERPEN	TAHUN
1.	<i>Thavathin Valimai</i>	1. "Avarkal: Va:l-kita:rkal:" 2. "Kodukkap Pitanthavan" 3. "Panjcum Neruppum" 4. "A:cai" 5. "Tharam, Tha:ya:kita:l:" 6. "Thavathin Valimai" 7. "Avan Vi:ran" 8. "Pa:cam Polla:thathu" 9. "Iye:cu Mannippa:ra:?"	1971
2.	<i>Thi:pangkal</i>	1. "Thi:pangkal" 2. "Lalitha:" 3. "Pirammathe:vanutan Oru Val-akku" 4. "Nhinaivukal: Ca:vathillai" 5. "Enna Sukam" 6. "Ilakkanam Ma:tumo:" 7. "Oru Mutivin Thotakkam" 8. "Saithan Ve:tham O:thukirathu" 9. "At:taikal:" 10. "Oru Yatha:rththava:thiyin Vilakal"	1981
3.	<i>Mu.Anbuchelvan Citukathaikal:</i>	1. "Pirathnithigal" 2. "Ya:varukumam" 3. "Pathacco:tu" 4. "A:n:ta Paramparai" 5. "Ka:ntha Marangkal:" 6. "Thot:til Pal-kkam" 7. "Thi:t:tiya Marangkal:" 8. "Anthantha Vayathil" 9. "Maunama:y oru Yuthtam" 10. "Cun:taikka:y Ka:l Panam" 11. "Ma:n:pukkuriya Pat:tatha:rikal:" 12. "Nhal:ai Enpathu" 13. "Eththanai Ka:lam Unakka:ka" 14. "Pash Ro:t:til O:tum"	1988

(bersambung)





Jadual 1.1 (sambungan)

BIL	KUMPULAN CERPEN	TAJUK CERPEN	TAHUN
4.	<i>Vil-ithhirukkum I:yakkut:taikal</i>	1. “ <i>Vil-iththirukkum I:yakkut:taikal</i> ” 2. “ <i>Meeri</i> ” 3. “ <i>Uca:ppi</i> ” 4. “ <i>Enravathu Oru Naal</i> ” 5. “ <i>Thikulsh Mohini</i> ” 6. “ <i>Kampo:ng Pa:ta:k</i> ” 7. “ <i>Man:nangkt:ti</i> ” 8. “ <i>Ayirai Mi:nkal</i> ” 9. “ <i>Kasturi</i> ” 10. “ <i>Ra:mayah</i> ” 11. “ <i>Arith:rangkal:</i> ” 12. “ <i>Pa:ti Vi:tu</i> ”	2001
5.	<i>Arai Nhutta:n:tuc Citukathaikal:</i>	1. “ <i>Va:, Maraname!</i> ” 2. “ <i>Tholainthu Po:gum Santhosam</i> ” 3. “ <i>Mugavari The:dum kadithangal</i> ” 4. “ <i>Muna:ndikal</i> ”	2008



1.8 Definisi, Konsep dan Istilah

Bagi menganalisis kajian ini, beberapa perkataan berkaitan tajuk akan diberi pendefinisian. Beberapa buah buku dirujuk untuk mendefinisikan istilah dan konsep untuk memudahkan pengkaji membuat analisis dalam kajian ini.

1.8.1 Kepengarangan

Mengkaji tentang kepengarangan bererti mengkaji hal-hal yang berkaitan dengan diri pengarang seperti latar belakang, karya-karya yang dihasilkan, idealisme serta pencapaian sepanjang kehidupannya. Perbincangan mengenai kepengarangan bererti





secara langsung atau tidak langsung membincangkan subjek dan persoalan penciptaan karya. Seseorang pengarang akan dikenali melalui subjek-subjek yang dibincangkan secara mendalam dan berterusan dalam karyanya.

Menurut Ghazali Din (2016), pengarang ialah personaliti atau individu yang memiliki keunikan tersendiri khasnya dalam mencipta hasil penulisan disebabkan bakat, minat serta misi tertentu untuk menyampaikan mesej dirinya kepada pembaca atau khalayak. Pengarang mencipta sesebuah karya disebabkan niat, dan pelbagai tujuan seperti mendidik, memberi kesedaran serta pengadilan moral.

Menurut beliau lagi, pengalaman dan perjalanan hasil karya setiap pengarang berbeza-beza mengikut latar waktu dan tempat. Pengalaman hidup pengarang adalah antara elemen yang mencorakkan gaya kepengarangan dan proses hasil karyanya.

Pengarang dengan kebijaksanaan memindahkan segala pengalaman yang pernah dirasai dan dilalui ke dalam karyanya. Proses transformasi ini berlaku secara berbeza antara seorang pengarang dengan pengarang yang lain. Pengarang melalui pengalamannya menghasilkan genre penulisan dan perjalanan hidup membina kesungguhan mencipta karya adalah persoalan-persoalan di sebalik kehidupan dan kepengarangan.

Mortan Kaptan dan Robert Klos (1973) pula menyatakan bahawa sesebuah karya adalah luahan hasil fantasi pengarang dari gejolak dalaman jiwa manusia. Hal ini turut dinyatakan oleh Mana Sikana (1996) bahawa dalam batin pengarang ada sesuatu yang menggerak atau mendesaknya melakukan sesuatu di luar kesedarannya.



Mana Sikana (2005), menganggap pengarang adalah pemikir dan kepekaan atau sensitivitinya adalah sifat yang membezakan dirinya dengan orang biasa. Pengarang sentiasa berusaha menghasilkan karya yang pada pandangan mereka perlu mencapai tahap keunggulan sehingga mendapat perhatian masyarakat dan pengkaji. Namun, tidak semua karya kreatif mendapat perhatian masyarakat pengkaji, sarjana, pengkritik serta penganalisis.

Pada pemikiran dan hemat pengkaji, pendapat Ghazali Din boleh dijadikan sebagai pegangan dalam konsep kepengarangan. Menurut beliau, pengarang ialah individu yang mempunyai keunikan tersendiri dalam menghasilkan karya. Tujuan seseorang pengarang menghasilkan sesebuah karya adalah untuk mendidik dan memberi kesedaran kepada khalayak. Pengalaman hidup pengarang adalah antara elemen yang mencorakkan gaya kepengarangan dalam menghasilkan hasil karya. Pengarang memindahkan sumber kehadiran seperti pengalaman diri sendiri, penyelidikan, dan bacaan ke dalam cerpennya untuk menghasilkan hasil yang bermutu tinggi serta berkualiti.

1.8.2 Cerpen

Cerpen merupakan suatu bentuk seni, perasaan yang mendalam dan mempunyai keistimewaan yang tinggi berbanding dengan karya sastera yang lain. Karya cerpen bukan sekadar untuk mengisi masa lapang malah ia mampu memberi pengajaran kepada pembaca.



Agilan (2002), cerita pendek atau cerpen yang dikenali hari ini bukanlah sesuatu yang baharu. Sebaliknya, bentuk ini adalah lanjutan dan perluasan daripada tradisi cerita dalam puisi tradisional (*Cheyyl*) yang sudah menjadi tradisi dalam masyarakat Tamil. Karya sastra '*Kalithogai*' ada mengandungi unsur-unsur cerita pendek dalam memerihalkan kehidupan luaran (fizikal-*Puram*) dan dalaman (mental-*Agam*) masyarakat Tamil.

Menurut beliau lagi, dalam buku berjudul '*Kathai Kalai*' mengemukakan batasan cerpen berdasarkan kejadian yang dimuatkan dalam sebuah cerpen. Beliau menyatakan cerpen boleh bersifat mengetengahkan suatu kejadian, satu masalah kehidupan ataupun menceritakan perwatakan sesuatu watak dalam cerpen.



padat dan ringkas menuntut pengarang agar menjadi lebih berdisiplin dan bersikap ekonomi dalam penggunaan bahasa. Cerpen tergolong dalam kategori karya sastra kreatif-imaginatif, genre cereka dan prosa naratif. Jika diperhatikan secara mendalam, cerpen mempunyai sejarahnya yang tersendiri dan mendapat wadah yang wajar, terutamanya dalam bentuk majalah, surat khabar, dan buku. Maka, tidak mustahil jika cerpen dikatakan genre prosa yang baharu yang paling diminati, disenangi, dan dihayati. Oleh sebab itu, cerpen bukan lagi bahan bacaan ringan, malah menjadi genre yang popular dan memiliki nilai sastra yang tinggi.

Menurut Rahman Shaari (1987), teks cerpen bermaksud naratif yang pendek (kurang daripada 10,000 patah perkataan) yang dicipta tujuan untuk menghasilkan satu kesan utama dan mengandungi unsur dramatik. Cerpen memberi tumpuan pada





seseorang watak dalam satu situasi dan satu masa. Cerpen yang berkesan mengandungi satu atau sekumpulan watak yang dikemukakan pada satu latar. Watak sentiasa terlibat secara mental atau fizikal dalam situasi latar itu. Setiap cerpen mempunyai konflik akibat pertembungan yang dramatik.

Puthumai Pithan (2002) dalam artikel yang bertajuk '*Kataikal*' menyatakan bahawa cerpen adalah bentuk sastera orang Barat dan berdasarkan isi cerita tersebut. Isi cerita yang digunakan dalam sebuah cerpen mestilah satu. Beliau juga tidak meletakkan had muka surat dalam memberi pengertian kepada cerpen. Puthumai Pitahan menyifatkan cerpen sebagai '*Va:lkaiyin Ciriya Ca:l:arangkal*' yang membawa maksud tingkap kecil yang mengisahkan kehidupan. Ianya amat berbeza dengan sebuah novel.



Ali Ahmad (1978) pula mendefinisikan cerpen sebagai sejenis cereka yang tercipta dalam peradaban moden. Ia muncul dari pencarian betul bagi memuatkan cerita-cerita yang munasabah berdasarkan kebenaran pengalaman manusia seharian. Oleh itu, cerpen adalah satu bentuk sastera yang sangat terbatas oleh bentuknya yang pendek, pelukisan watak dan pendalaman jiwa yang sangat terhad.

Rumusan daripada pendapat para sarjana dan pengkaji di atas, maka jelaslah cerpen adalah prosa moden yang mengetengahkan sesuatu kejadian, dan masalah melalui watak-wataknya. Cerpen juga mampu menjadi alat mendidik sesebuah masyarakat. Isi-isi yang dibincangkan dalam cerpen-cerpen adalah pengalaman manusia seharian.





1.8.3 Subjek

Subjek ialah persoalan, tema dan isu-isu yang dibincangkan oleh pengarang dalam karyanya. Subjek ialah pokok kajian yang dibincangkan dalam sesuatu karya. Menurut Hutcheon (1992), sejak manusia bersastera sehingga di zaman globalisme ini, pengarang-pengarang yang memperkatakan dengan berani tetapi penuh estetik akan subjek-subjek adalah sebagai prima sosial *'problem'* yang akan meletakkan dirinya sebagai pengarang yang penting.

Dalam konteks teori Teksdealisme, Mana Sikana (2013) berpendapat bahawa subjek yang penting, relevan, dominan dan kontemporari yang dibincangkan dengan penuh estetik dengan sendirinya akan meletakkan seseorang pengarang itu sebagai penulis yang idealis atau unggul. Subjek karya wujud dan berbeza pada teknik presentasi dan cara penyampaiannya. Subjek dicernakan dengan penuh kekuatan dan keindahan, barulah sifat kepengarangan terserlah melalui teks-teks yang dihasilkannya. Subjek biasanya akan membentuk pemikiran dan daripada pemikiran akan membentuk pula apa yang dinamakan sebagai ideologi.

Dalam kajian ini, pengkaji telah membincangkan kehadiran subjek dan persoalan yang diutarakan oleh pengarang Mu.Anbuchelvan dalam lima kumpulan cerpennya.





1.8.4 Jati Diri atau Individualisme

Mana Sikana (2013), teori Teksdealisme berasaskan kepada empat prinsip iaitu kehadiran, perlanggaran, pengukuhan dan individualisme. Prinsip kehadiran, perlanggaran dan pengukuhan menuju puncaknya kepada individualisme. Dalam konteks inilah jati diri ditemukan. Sesebuah teks yang ideal atau unggul bermula daripada idea dan pengalaman. Idea dan pengalaman akan mencorak dan membentuk subjek yang dibincangkan dalam karya. Idea dan pengalaman mempunyai hubungan rapat dengan sifat jati diri. Jati diri dan individualisme pengarang dapat dirumuskan melalui subjek-subjek yang dibawa oleh pengarang. Salah satu sifat jati diri kepengarangan ialah *individual subjek*.



dirinya sekiranya persoalan-persoalan yang dibincangkan hanya di peringkat amatur. Subjek dicernakan dengan penuh kekuatan dan keindahan, barulah sifat kepengarangan terserlah melalui teks-teks yang dihasilkannya. Proses individualisasi akan meletakkan seseorang pengarang itu untuk mencapai taraf sebagai *individual author*. *Individual author* dapat dikesan melalui percubaan dan penerokaan pengarang untuk mencari sesuatu corak pengkaryaan yang baharu. Penjatian diri mempunyai hubungan dengan pembinaan aliran.

Pengarang-pengarang yang sudah mempunyai jati diri, dengan sendirinya mempunyai individualistik idealisme iaitu keunggulan diri. Pengarang-pengarang yang berada dalam sesuatu aliran yang dominan, atau melakukan epigoni terhadap teks yang sedia ada, juga berpeluang untuk mencipta jati dirinya.





Dalam kajian ini, pengkaji telah membincangkan dan mencungkil individualisme atau jati diri pengarang Mu.Anbuchelvan dalam karya cerpennya. Jati diri pengarang dikesan melalui empat kriteria iaitu dari sudut stail individu, reka cipta individu, kedirian individu dan tindakan individu. Stail individu banyak merujuk kepada aspek bahasa yang digunakan oleh pengarang sehingga berhasil mendapatkan bahasanya sendiri.

1.9 Kesimpulan

Kajian ini membincangkan kepengarangan Mu.Anbuchelvan dalam hasil karyanya. Dalam proses penciptaan karya, elemen cetusan idea, niat atau dorongan adalah antara faktor ke arah penulisan sesebuah karya oleh pengarang. Sesebuah karya harus mempunyai kekuatan dari aspek keindahan, falsafah, pemikiran, perasaan melalui sudut struktural tersendiri sehingga berjaya mengukuhkan hubungan dan menimbulkan pengalaman estetik pembaca dengan karya. Kajian ini akan meninjau kepengarangan cerpenis Mu.Anbuchelvan dalam penulisan cerpennya.

Menerusi kajian ini, pengkaji ingin membuktikan bahawa kejayaan dan keunggulan Mu.Anbuchelvan bukan sahaja ditentukan oleh keupayaan kognitif dalam penciptaan karya, malah pengaruh dalaman diri juga mempengaruhi proses penulisan dan pembinaan pengalaman estetik yang dinikmati oleh pembaca. Khalayak tidak boleh dipisahkan daripada karya yang dihasilkan oleh pengarang dan khalayak adalah penilai kepada karya. Karya yang berkesan kepada khalayak adalah yang lahir daripada dalaman diri dalam konteks yang difahami makna.

